

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS

PENDIDIKAN MORAL

(Pendidikan Khas)

TINGKATAN



Penulis

Umah a/p Mugundan
Lim Bee Bee

Sawalliyati binti Abd Saleh

Editor

Mohd Hadi bin Roslan

Pereka Bentuk

Ahmad Faris bin Ahmad Marzuki

Pelukis

Amiza bin Abd Hadi
Zawawi bin Zaid

Jurufoto

Ahmad Faris bin Ahmad Marzuki
Muhammad Buqkhairy bin Mohd Zolkefli



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka

Kuala Lumpur

2017



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0046

KK 370-221-0102011-49-1658-30101
ISBN 978-983-49-1658-9

Cetakan Pertama 2017
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Attin Press (M) Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:
Tihani Cetak Sdn. Bhd.,
Lot 532, Jalan Perusahaan 3,
Bandar Baru Sungai Buloh,
57000 Sungai Buloh,
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pegawai-pegawai Bahagian Buku Teks dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban.
- SMK Telok Gadong, Klang.
- SMK Dato' Ibrahim Yaacob, Kuala Lumpur.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).
- Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

KANDUNGAN

Pendahuluan	iv
Penerangan Ikon Buku Teks	v
Panduan Penggunaan Buku Teks	vi

TEMA 1: Diri, Keluarga dan Persahabatan

Unit 1	Agama Membentuk Keperibadian Diri	1
Unit 2	Tanggungjawab Diri	9
Unit 3	Tanggungjawab Bersama dalam Keluarga	17
Unit 4	Adab Persahabatan	25

TEMA 2: Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat

Unit 5	Hidup Berjiran Membawa Berkat	33
Unit 6	Perkhidmatan Awam Kesejahteraan Kita	41
Unit 7	Pemeliharaan Kebersihan Persekitaran	49
Unit 8	Amalan Gaya Hidup Sihat dalam Komuniti	57

TEMA 3: Moral, Peraturan dan Undang-undang

Unit 9	Adab di Tempat Awam	65
Unit 10	Adab dan Undang-undang Alam Siber	75
Unit 11	Keselamatan Jalan Raya	85
Unit 12	Hak Asasi Kanak-kanak	95

Senarai Cadangan Jawapan Duga Ilmu	104
Senarai Rujukan	105
Indeks	106

PENDAHULUAN

Buku Teks Pendidikan Moral (Pendidikan Khas) Tingkatan 2 Sekolah Menengah ini ditulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral Pendidikan Khas (KSSMPK) yang diterbitkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku ini berteraskan matlamat mata pelajaran Pendidikan Moral untuk membentuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) agar berakhlak mulia, berintegriti, berpegang pada nilai universal berasaskan prinsip moral, menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global.

Pembentukan MBK yang mempunyai sahsiah diri baik dapat direalisasikan dengan menekankan tiga domain moral, iaitu penaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral dalam kalangan mereka. Ketiga-tiga domain ini diterapkan melalui pelbagai aktiviti dan latihan yang disediakan dalam buku ini. Guru boleh mengubah suai aktiviti dan latihan agar sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan persekitaran murid. Antara aktiviti yang terdapat dalam buku teks ini termasuklah lakonan, nyanyian, penghasilan projek, dan lain-lain. Aktiviti dan latihan yang terdapat di dalam buku ini memberikan peluang kepada murid untuk berkomunikasi, berinteraksi, bekerja dalam pasukan, bermaklumat dan memupuk sikap penyayang serta patriotik dalam diri murid.

Buku teks ini dibahagikan kepada tiga tema, iaitu Tema 1: Diri, Keluarga dan Persahabatan; Tema 2: Hubungan antara Diri, Komuniti dan Masyarakat, dan Tema 3: Moral, Peraturan dan Undang-undang. Tema-tema ini dibahagikan kepada 12 unit. Pada akhir buku teks ini terdapat senarai rujukan dan indeks. Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), setiap unit mempunyai enam bahagian iaitu rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan, dan latihan.

Penulis berharap penghasilan buku teks ini memberikan nafas baharu kepada MBK untuk mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam kehidupan seharian. Pengalaman melalui pembelajaran berterusan ini diharapkan dapat melengkapkan pengetahuan asas, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni bagi memantapkan diri mereka.

Umah a/p Mugundan
Lim Bee Bee
Sawalliyati binti Abd Saleh

PENERANGAN IKON BUKU TEKS

Secara keseluruhannya, buku ini disusun mengikut aras kesukaran dan mempunyai ikon-ikon yang bermakna. Tujuannya supaya buku ini bersifat mesra murid dan sentiasa menarik perhatian semasa digunakan. Yang berikut ialah penerangan bagi maksud ikon-ikon, iaitu:

RANGSANGAN

Mencungkil pengetahuan sedia ada murid melalui set induksi yang disediakan.

KONSEP



TAHUKAH ANDA?

Memberikan pengetahuan awal kepada murid tentang topik yang dipelajari dalam unit tersebut.

PENGUKUHAN



MARI FAHAMI

Mengukuhkan lagi kefahaman murid MBK berkenaan perkara yang dipelajari dalam unit tersebut.

PENGAYAAN



MARI SELAMI

Menambahkan input untuk pemahaman dan penguasaan murid tentang perkara yang dipelajari dalam unit tersebut.

PEMULIHAN



MARI HAYATI

Membantu murid memahami perkara yang dipelajari dengan lebih mudah. Halaman ini menerapkan elemen terapi.

LATIHAN



DUGA ILMU

Soalan pelbagai bentuk untuk mengukur kefahaman murid tentang perkara yang telah dipelajari.


PANDUAN PENGGUNAAN BUKU TEKS



Soalan yang menguji dan meningkatkan keupayaan murid untuk berfikir secara rasional, pemikiran kritis, pemikiran kreatif, pemikiran logik dan metakognitif. Soalan disesuaikan dengan tahap kognitif MBK.



QR code yang mengandungi maklumat tambahan dalam bentuk video atau bahan lain. QR code perlu diimbis dengan menggunakan gajet semasa.



Panduan kepada guru untuk melaksanakan sesuatu aktiviti. Pada nota guru dinyatakan nombor standard pembelajaran untuk dirujuk oleh guru.




Aktiviti terancang untuk MBK khusus bagi sesi terapi seperti terapi seni, terapi permainan, terapi muzik dan terapi cara kerja.



Menjelaskan maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami dalam teks oleh murid.



Aktiviti pentaksiran dalam pelbagai cara untuk menguji kefahaman murid dalam proses PdP.



Aktiviti untuk merangsang minda murid yang dilakukan pada setiap permulaan unit.



Maklumat berkaitan sesuatu perkara yang dipelajari untuk memberikan pengetahuan kepada murid.

UNIT 1

TEMA 1: DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN


AGAMA MEMBENTUK KEPERIBADIAN DIRI

Teliti gambar di bawah.



RANGSANG MINDA

Nyatakan agama atau kepercayaan anda.



NOTA GURU

1.1.1
1.1.2
1.1.3

- Bimbing murid bercerita tentang agama dan kepercayaan yang dianuti oleh mereka.
 - Bimbing murid berkongsi pengalaman beribadat bersama-sama keluarga.
- Nilai: Kepercayaan kepada Tuhan, Baik Hati, Hemah Tinggi, Hormat, Harga Diri, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kesyukuran



TAHUKAH ANDA?

AGAMA SEBAGAI PANDUAN HIDUP

Baca dan fahami situasi di bawah.

2

Mei Mei, sembahyang ialah ajaran agama kita.

4

Bagus, mematuhi ajaran agama dapat membentuk peribadi diri yang mulia.

1

Datuk, mengapakah kita perlu bersembahyang?

3

Saya faham, datuk. Saya berjanji akan mematuhi ajaran agama dengan sempurna.



Agama membentuk peribadi diri yang mulia seperti:

1 Bertanggungjawab

2 Baik Hati

3 Kasih Sayang

Gembiranya saya dapat menemani datuk pergi ke tokong untuk bersembahyang.



1. Senaraikan sahsiah terpuji yang ada pada Mei Mei dan adiknya.
2. Mengapakah kita perlu mengamalkan kehidupan beragama?



NOTA GURU

- 1.1.1
- 1.1.2
- 1.1.3

- Bimbing murid memahami kepentingan beragama.
 - Bimbing murid mengamalkan sahsiah diri yang positif.
- Nilai: Kepercayaan kepada Tuhan, Baik Hati, Hemah Tinggi, Hormat, Harga Diri, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kesyukuruan



MARI FAHAMI

SAHSIAH POSITIF HIDUP HARMONI

Teliti gambar di bawah.



1



2



3



4



Senaraikan sahsiah diri yang positif berdasarkan gambar di atas.

NOTA GURU

- 1.1.1
- 1.1.2
- 1.1.3


- Bimbing murid mengaitkan gambar di atas dengan amalan agama.
 - Bimbing murid menyenaraikan contoh sahsiah diri positif yang lain.
- Nilai: Kepercayaan kepada Tuhan, Baik Hati, Hemah Tinggi, Hormat, Harga Diri, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kesyukuran



MARI SELAMI

AGAMA DAN KEPERCAYAAN
MEMBENTUK PERIBADI MULIA

Hayati kata-kata hikmat dan hasilkan penanda buku.



Petikan diolah daripada kata-kata tokoh di atas.
Sila rujuk QR code untuk mendapatkan maklumat tambahan.

NOTA GURU

1.1.1
1.1.2
1.1.3

- Bimbing murid memahami kata-kata hikmat yang terdapat dalam gambar.
 - Bimbing murid menghasilkan penanda buku.
 - Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
- Nilai: Kepercayaan kepada Tuhan, Baik Hati, Hemah Tinggi, Hormat, Harga Diri, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kesyukur



MARI HAYATI

KAD JEMPUTAN JAMUAN KONGSI RAYA


Murid-murid Tingkatan 2 Inovatif Khas akan mengadakan Jamuan Kongsi Raya sempena Tahun Baru Cina. Mereka membuat kad jemputan untuk menjemput rakan-rakan yang terdiri daripada pelbagai kaum di kelas lain.

Bahan-bahan: Kertas berwarna, gam, pen berdakwat, sampul duit dan sampul surat.

1 Sediakan bahan dan peralatan.



2 Tulis isi kandungan kad jemputan.



3 Hias kad jemputan.



4 Beri kad jemputan kepada rakan.



NOTA GURU

- 1.1.1
- 1.1.2
- 1.1.3

6

- Bimbing murid menghasilkan kad jemputan Jamuan Kongsi Raya dalam kumpulan.
- Bimbing murid menulis isi kandungan dalam kad jemputan.
- Bimbing murid menyediakan Jamuan Kongsi Raya dan memberi kad jemputan kepada rakan di kelas lain.

Nilai: Kepercayaan kepada Tuhan, Baik Hati, Hemah Tinggi, Hormat, Harga Diri, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kesyukuran



DUGA ILMU

A. Lukis 😊 untuk sahshiah diri positif dan ☹️ untuk sahshiah diri negatif.

1



Meraikan sambutan Hari Gawai bersama-sama rakan.



2



Memakai pakaian yang sopan di dalam gereja.



3



Membuang sampah di dalam kawasan kuil.














4



Menderma wang semasa perayaan Hari Wesak.



B. Berikan 1 markah bagi tindakan yang anda amalkan dan 0 markah bagi tindakan yang tidak anda amalkan.

Bil.	Amalan sahsiah diri positif	Markah
1	Saya berpegang teguh pada ajaran agama.	
2	Saya bertegur sapa dengan jiran pelbagai kaum.	
3	Saya sentiasa menjaga kebersihan rumah ibadat.	
4	Saya bersahabat dengan semua rakan berlainan agama.	
5	Saya membantu orang yang berada dalam kesusahan.	
6	Saya meminta maaf apabila melakukan kesalahan.	
7	Saya menghormati agama dan kepercayaan kaum lain.	
8	Saya menyayangi keluarga mengikut tuntutan agama.	
9	Saya bersyukur kepada Tuhan atas nikmat yang diberikan.	
10	Saya mengunjungi rumah rakan semasa hari perayaan.	
	Jumlah markah	

Markah	Pencapaian
10	Tahniah, anda telah menunjukkan keperibadian diri yang cemerlang!
6-9	Syabas, anda perlu berbincang dengan ibu bapa dan guru agar mendapat bimbingan untuk mencapai keperibadian diri yang cemerlang!
0-5	Jangan putus asa. Berusaha untuk memperbaiki diri anda supaya memiliki keperibadian diri yang cemerlang.



UNIT 2

TANGGUNGJAWAB DIRI

Fahami dan hayati ikrar.

Kami berjanji akan berusaha menjadi murid yang cemerlang dalam akademik, sahsiah dan kokurikulum.



RANGSANG MINDA

Lafazkan ikrar berikut di hadapan kelas.



Capaian pada
15 Ogos 2017



Rukun Negara

NOTA GURU

- 1.2.1
- 1.2.2
- 1.2.3
- 1.2.4

- Bimbing murid memahami ikrar di atas.
- Bimbing murid melafazkan ikrar kecemerlangan diri.

Nilai: Baik Hati, Hemah Tinggi, Hormat, Harga Diri, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kesyukuran



TAHUKAH ANDA?

INSAN CONTOH

Baca kisah berikut.

1



Nama saya Low Hong Ping. Saya dilahirkan di Kuala Lumpur pada 12 April 1990. Sejak dilahirkan, saya menghidap penyakit genetik yang menyebabkan sel-sel otot mengalami proses penuaan.



2



Walaupun dilahirkan sebagai orang kurang upaya, ibu dan bapa masih menghantar saya ke sekolah. Saya mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

3



Saya telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya dan kini melanjutkan pengajian pada peringkat sarjana. Saya juga pernah menjadi Pengarah Program *A Day of Light* yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap golongan orang kurang upaya.

4



Kini, saya seorang peguam. Penyakit yang saya hidapi bukan penghalang untuk mencapai kejayaan. Yakinlah pada diri dan sentiasa berfikir positif. Jadikanlah kekurangan diri sebagai kekuatan untuk berjaya dalam hidup.



Gambar ihsan: Low Hong Ping



Apakah sikap Low Hong Ping yang boleh dicontohi?



NOTA GURU

1.2.1
1.2.2
1.2.3
1.2.4

- Bimbing murid menghayati kisah Low Hong Ping.
 - Bimbing murid menyatakan sikap yang boleh dicontohi.
- Nilai: Baik Hati, Hemah Tinggi, Hormat, Harga Diri, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kesyukuran



MARI FAHAMI

KELEBIHAN MENGATASI KELEMAHAN

Fahami situasi dan tandakan (✓) pada tindakan yang dapat membentuk kecemerlangan diri.



Saya mahu menjadi jaguh lumba basikal.

- Berlatih bersungguh-sungguh.
- Hanya berangan-angan.



Esok sahajalah saya siapkan kerja sekolah ini.

- Teruskan sikap bertangguh.
- Segera menyiapkan tugas.



Saya tidak faham tetapi saya malu bertanya.

- Hanya mendiamkan diri.
- Berani untuk bertanya.



Wah, Kreatifnya hasil kerja kamu!

Terima kasih, cikgu.

- Memanfaatkan kemahiran diri.
- Tidak menonjolkan kemahiran diri.



Nyatakan kelebihan dan kelemahan diri anda.

NOTA GURU

- 1.2.1
- 1.2.2
- 1.2.3
- 1.2.4

- Bimbing murid menggunakan kelebihan untuk mengatasi kelemahan.
- Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.


Nilai: Hormat, Harga Diri, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab



MARI SELAMI

SYAIR SANG CEMERLANG

Lagukan syair.



GLOSARI

Culas: Sangat malas.

Sumber: PRPM



Inilah kisah cerita lama,
Semut Belalang empunya cerita,
Semut yang kecil rajin bekerja,
Belalang yang besar malas dan leka.

Tersebar cerita banjir melanda,
Bangkit Si Semut tangkas bekerja,
Semua bekalan siap sedia,
Namun Si Belalang masih terleka.

Sungguhpun kecil tekad hatinya,
Rajin usaha pasti berjaya,
Rakan yang cuai tidak dilupa,
Nasihat ikhlas semat di jiwa.

Tersedar Si Belalang kelemahan diri,
Degil dan culas pastinya rugi,
Mujurlah rakan sudi nasihati,
Baru hidupnya aman harmoni.

Dikarang oleh:
Sawalliyati binti Abd Saleh

Capaian pada
15 Ogos 2017



Syair Sang
Cemerlang



Nyatakan pengajaran yang boleh dijadikan teladan dalam hidup kita.



NOTA GURU

- 1.2.1
- 1.2.2
- 1.2.3
- 1.2.4







- Bimbing murid melagukan syair.
 - Bimbing murid menyatakan pengajaran daripada syair.
- Nilai: Baik Hati, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab



Lakukan aktiviti berikut.

Bahan-bahan: Kertas berwarna, pen berdakwat dan gunting.

Aktiviti Terapi

<p>1</p>  <p>Lipat sehelai kertas segi empat sama.</p>	<p>2</p>  <p>Lipat setiap bucu ke titik tengah.</p>	<p>3</p>  <p>Terbalikkan, lipat setiap bucu ke titik tengah.</p>
<p>4</p>  <p>Tulis angka 1 hingga 8 pada kertas.</p>	<p>5</p>  <p>Tulis pernyataan pada bahagian belakang kertas yang bernombor.</p>	<p>6</p>  <p>Gunting lipatan di antara nombor.</p>

Cara bermain

1. Main secara berpasangan. Murid A menyoal dan murid B menjawab.
2. Gerakkan kertas mengikut ejaan nama murid B.
3. Murid B memilih angka pada kertas.
4. Murid A memberikan pernyataan di belakang kertas.
5. Murid B menjawab **kelebihan** atau **kelemahan**.
6. Guru menentukan jawapan yang tepat.
7. Murid bertukar peranan.

Pernyataan

1. Kemas membuat nota
2. Lewat menghantar tugasan
3. Meniru jawapan rakan
4. Membantu guru
5. Menghargai jasa
6. Pemarah
7. Matlamat hidup jelas
8. Bertanggungjawab

NOTA GURU

1.2.1

- Bimbing murid membuat origami diri.
- Pelbagaikan soalan mengikut kelebihan dan kelemahan murid.
- Guru mengawasi penggunaan peralatan tajam.

Nilai: Kerajinan, Bertanggungjawab



DUGA ILMU

A. Tulis perkataan **kelebihan** atau **kelemahan** pada setiap perlakuan dalam gambar di bawah.

1



2



3



4



5



6



* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
Sila rujuk pada QR code Duga Ilmu di muka surat 104.

B. Tulis huruf dalam dengan pilihan jawapan yang disediakan.



Tingkah laku yang dapat meningkatkan kecemerlangan diri

A Memberikan nasihat kepada rakan.

B Tidak malu untuk bertanya.

C Tidak mengendahkan rakan lain.

D Mengakui kesalahan dan berubah.

E Melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

F Membantu rakan dalam pelajaran.



TANGGUNGJAWAB BERSAMA DALAM KELUARGA

Fahami situasi dalam gambar di bawah.



RANGSANG MINDA

Ceritakan pengalaman anda melakukan aktiviti bersama-sama keluarga.



NOTA GURU

1.3.1
1.3.2
1.3.3

- Bimbing murid menyatakan cara membantu keluarga mereka.
- Bimbing murid memahami tanggungjawab dalam mewujudkan dan mengekalkan keluarga bahagia.

Nilai: Baik Hati, Hermah Tinggi, Hormat, Harga Diri, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Bertanggungjawab



TAHUKAH ANDA?

MEMBINA KELUARGA BAHAGIA

Baca dan fahami situasi berikut.

Linda membantu ibu menjaga neneknya yang sedang sakit di hospital. Neneknya berasa disayangi.

1



Gopal selalu membimbing adiknya dalam pelajaran. Pelajaran adiknya bertambah baik hasil bimbingan Gopal.

2



Sofia selalu beriadah bersama-sama anggota keluarga. Mereka hidup sihat dan bahagia.

3



4



Manjit Kaur sering membantu ayahnya mencuci kereta. Aktiviti ini mengeratkan hubungan mereka.

5



Nina dan ibunya selalu memastikan pakaian dilipat dan disusun. Mereka hidup ceria di dalam rumah yang kemas.

6



Navin menyambut ulang tahun kelahiran ayahnya setiap tahun. Mereka sekeluarga berasa sangat gembira.

Capaian pada
15 Ogos 2017



Lagu Keluarga
Bahagia



1. Nyatakan ciri-ciri keluarga bahagia.
2. Ceritakan tanggungjawab anda terhadap keluarga.

NOTA GURU

1.3.1
1.3.2
1.3.3

- Bimbing murid memahami konsep keluarga bahagia.
 - Bimbing murid menyanyi dan memahami lirik lagu Keluarga Bahagia.
- Nilai: Kasih Sayang, Hormat, Hemah Tinggi, Baik Hati, Bertanggungjawab



MARI FAHAMI

IBU PERMATA HATIKU

Fahami petikan di bawah.

Syurga di bawah telapak kaki ibu

Kasih istimewa insan kurang upaya terhadap ibunya

>>Oleh Umah Mugundan
umah@email.com

KUALA LUMPUR: Hairul Anuar bin Bidi yang berumur 24 tahun dilahirkan sebagai orang kurang upaya pendengaran dan bisu. Beliau setia memberi layanan istimewa kepada ibunya, Latipah Hanum binti Md Daruan, 61 yang lumpuh dan berkerusi roda. Hairul menyediakan makanan dan minuman di samping menguruskan keperluan diri ibunya.

Menurut Hairul, semasa sihat, ibunya banyak berkorban mencari rezeki dan memberikan pendidikan kepadanya. Mereka berdua sangat bahagia dan hidup dengan penuh



Gambar ihsan: Hairul Anuar bin Bidi

Hairul menyuapkan makanan kepada ibunya.

kasih sayang. Hairul tidak pernah berasa terbeban menjaga ibunya dan menganggap berbakti kepada ibu sebagai satu tanggungjawab.

Sumber: Umah a/p Mugundan



1. Apakah perasaan anda setelah membaca petikan di atas?
2. Bagaimanakah cara anda membalas jasa ibu bapa?

NOTA GURU

1.3.1
1.3.2
1.3.3

- Bimbing murid membincangkan pengorbanan anggota keluarga.
- Bimbing murid menunjukkan cara menghargai anggota keluarga.

Nilai: Hormat, Bertanggungjawab, Berterima Kasih, Baik Hati, Kasih Sayang, Kesyukuran



MARI SELAMI

KERUSI MUZIK

Mari bermain.



Cara-cara Permainan

1. Guru memainkan muzik.
2. Murid mengelilingi kerusi.
3. Guru menghentikan muzik.
4. Murid cuba mendapatkan tempat duduk.
5. Murid yang tidak mendapat tempat duduk akan mengambil kad situasi di dalam kotak dan menyelesaikan masalah berdasarkan situasi.

Kad Situasi A

Adik berasa sedih kerana kalah dalam pertandingan bercerita.

Bagaimanakah cara anda memberikan sokongan kepadanya?

Kad Situasi B

Salah seorang daripada anggota keluarga anda sakit.

Apakah yang boleh anda lakukan?

Kad Situasi C

Abang anda akan berkahwin tidak lama lagi.

Bagaimanakah cara anda membantu keluarga?

Kad Situasi D

Sambutan Hari Bapa akan tiba.

Apakah perancangan anda?

Kad Situasi E

Cuaca mendung, kain jemuran masih di luar rumah anda.

Apakah tindakan anda?

NOTA GURU

1.3.1
1.3.2
1.3.3

- Guru mempelbagaikan kad situasi.
 - Guru memberikan penegasan terhadap jawapan murid.
 - Guru mengurangkan kerusi setiap kali muzik berhenti.
- Nilai: Hemah Tinggi, Hormat, Kasih Sayang, Bertanggungjawab



MARI HAYATI

KELUARGAKU SIHAT SEJAHTERA

Gaya hidup sihat melahirkan anggota keluarga yang cergas dan cerdas. Mari kita sediakan menu makanan sihat untuk seisi keluarga.

Bahan-bahan: Buah-buahan, madu, yogurt, mangkuk, sudu dan pinggan.

Aktiviti Terapi


Langkah 1

Sediakan bahan-bahan seperti dalam gambar.



Langkah 2

Masukkan buah-buahan ke dalam mangkuk besar.



Langkah 3

Masukkan yogurt dan madu. Gaulkan bahan.



Langkah 4

Hidangkan salad harmoni kepada keluarga.



1. Apakah peranan anda untuk memastikan anggota keluarga sihat?
2. Mengapakah anda perlu menunjukkan rasa tanggungjawab terhadap anggota keluarga?



NOTA GURU

- 1.3.1
- 1.3.2
- 1.3.3

- Bimbing murid menyediakan bahan dan melaksanakan aktiviti.
- Guru membantu murid memotong buah-buahan.
- Guru perlu mengawasi penggunaan peralatan tajam.
- Bimbing murid memahami kepentingan menjaga kesihatan anggota keluarga.

Nilai: Kasih Sayang, Bertanggungjawab



DUGA ILMU

A. Isi tempat kosong berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

hormat

harmoni

bahagia

patuh

mesra

1. Keluarga _____ hidup aman sentosa dan saling menghormati antara satu sama lain.
2. Kita harus menggunakan tutur kata yang sopan sebagai tanda _____ terhadap anggota keluarga.
3. Adam _____ akan nasihat ibu bapanya dengan hati terbuka.
4. Hubungan kekeluargaan menjadi _____ dengan menyambut hari istimewa bersama.
5. Setiap anggota keluarga bertanggungjawab untuk mewujudkan suasana yang _____.

B. Bulatkan jawapan di atas pada rajah di bawah.



C. Tulis nilai-nilai yang sesuai untuk pernyataan di bawah.



Bil.	Pernyataan	Nilai-Nilai
1	Azlin selalu mendengar dan menerima nasihat anggota keluarganya.	
2	Gurmit mengelakkan diri daripada kegiatan yang menjejaskan imej keluarganya.	
3	Akma selalu mendoakan kebahagiaan, kesejahteraan dan kebajikan ibu bapanya.	
4	Setiap bulan Radin menghulurkan bantuan kewangan kepada ibu bapanya.	
5	Wei Kit menggunakan tutur kata yang sopan terhadap anggota keluarganya.	
6	Manju sering membantu ibunya membuat kerja rumah tanpa disuruh.	



UNIT 4

ADAB PERSAHABATAN

Fahami gambar di bawah.



RANGSANG MINDA

Ceritakan mengenai kawan baik anda.



Sahabat sejati membuatmu tersenyum pada saat kamu berduka.

Lebih baik memiliki seorang sahabat sejati daripada 1000 teman yang mementingkan dirinya sendiri.

Dikarang oleh: Umah a/p Mugundan

NOTA GURU

1.4.1
1.4.2
1.4.3

- Bimbing murid bercerita mengenai sahabat baik mereka.
Nilai: Hormat, Kasih Sayang, Berterima Kasih, Hemah Tinggi, Baik Hati, Harga Diri, Bertanggungjawab



TAHUKAH ANDA?

PANTUN PERSAHABATAN

Lafazkan pantun di bawah.

Mak Timah jalan melenggang,
Membawa rambutan bersama delima;
Adab persahabatan perlu dipegang,
Agar ikatan kekal selama.

Memberi makanan sama dirasa,
Menjadi lambang ikatan saudara;
Walau berlainan agama dan bangsa,
Namun keakraban terjalin mesra.

Daun palas di atas peti,
Dibuat ketupat untuk dinikmati;
Jujur ikhlas berbudi pekerti,
Bahagia mendapat teman sejati.

Hari Sabtu pergi bercuti,
Membeli cawan di Kota Lama;
Sedia membantu saling hormati,
Kesusahan kawan kongsi bersama.

Cantik jelita tidak terperi,
Baik budinya Si gadis Sunti;
Walau ramai rakan dicari,
Dikenang hanya sahabat sejati.



GLOSARI

- Gangsa:** Alat muzik tradisional dari negara Bali.
- Para:** Anyaman daripada buluh yang dijadikan rak tempat menyimpan barang.
- Akrab:** Rapat dan karib.
- Pepatah:** Kata-kata orang tua yang ada nasihat di dalamnya.

Sumber: PRPM

Dikarang oleh: Umah a/p Mugundan dan Mohd Muhaimi bin Abdul Rahman



SANTAI MINDA

Apakah sikap positif rakan yang boleh dicontohi daripada pantun di atas?

NOTA GURU

- 1.4.1
- 1.4.2
- 1.4.3

- Bimbing murid memahami nilai murni yang perlu ada dalam persahabatan.
- Bimbing murid melafazkan pantun.


Nilai :Baik Hati, Bertanggungjawab



TAHUKAH ANDA?

SAHABAT SEJATI

Baca dan fahami.



Cadangkan cara anda mengekalkan persahabatan.



NOTA GURU

1.4.1
1.4.2
1.4.3

- Bimbing murid memahami kepentingan persahabatan dalam membentuk perpaduan.
- Bimbing murid mengenali ciri-ciri rakan sejati.

Nilai: Kasih Sayang, Hormat, Hemah Tinggi, Harga Diri, Berterima Kasih, Kesyukuran



MARI FAHAMI

KENALI SAHABAT

Fahami cerita di bawah.

Bunyak dan Edward bersahabat baik. Mereka berkongsi suka duka dan saling memberikan sokongan moral. Pada suatu hari, mereka pergi ke hutan untuk mencari kayu api.



Tiba-tiba, seekor beruang mengejar mereka. Bunyak memanjat pokok untuk menyelamatkan diri. Dia tidak melupakan rakannya. Bunyak menghulurkan tali kepada Edward yang berada di bawah.



Edward mengucapkan terima kasih kepada Bunyak yang membantunya ketika dalam kesusahan. Mereka sedar bahawa sahabat yang baik akan setia dan sentiasa boleh dipercayai.



Adakah anda ingin mempunyai sahabat seperti Bunyak? Mengapa?



NOTA GURU

- 1.4.1
- 1.4.2
- 1.4.3

- Bimbing murid menjadi seorang sahabat sejati berdasarkan cerita di atas.
Nilai: Kasih Sayang, Baik Hati, Berterima Kasih, Bertanggungjawab, Kesyukuran



MARI SELAMI

PENYELESAIAN MASALAH

Nyatakan cara anda menyelesaikan masalah berdasarkan situasi di bawah.



NOTA GURU

- 1.4.1
- 1.4.2
- 1.4.3

- Bimbing murid mengaitkan situasi di atas dengan peranan mereka sebagai seorang sahabat.
- Bimbing murid menyatakan cara menyelesaikan masalah berdasarkan situasi.

Nilai: Kasih Sayang, Harga Diri, Hemah Tinggi, Baik Hati, Berterima Kasih



MARI HAYATI

TANGLUNG PERSAHABATAN

Mari reka cipta tanglung untuk sahabat anda.

Bahan-bahan: Kertas warna, reben, gunting, stapler, pembaris, pensel dan keratan kata-kata hikmat.

Aktiviti Terapi

Langkah 1



Sediakan bahan.

Langkah 2



Lipat kertas kepada dua bahagian dan gariskan.

Langkah 3



Gunting kertas mengikut garisan.

Langkah 4



Cantumkan kedua-dua hujung kertas dan ketip.

Langkah 5



Hias tanglung dengan kata-kata hikmat dan ikat dengan reben.

Langkah 6



Hadiahkan tanglung kepada sahabat anda.



1. Apakah hadiah yang pernah anda berikan kepada sahabat anda?
2. Mengapakah persahabatan penting dalam kehidupan kita?



NOTA GURU

- 1.4.1
- 1.4.2
- 1.4.3

- Bimbing murid melakukan aktiviti di atas.
- Guru mengawasi penggunaan peralatan tajam.
- Guru boleh mengadakan pertandingan kraf tanglung kreatif.

Nilai: Kasih Sayang, Baik Hati, Berterima Kasih



DUGA ILMU

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Adab-adab Persahabatan

1. Sanggup _____ dalam kesusahan.
2. Selalu _____ dalam pelajaran.
3. Memberikan moral dan emosi.
4. Memberikan nasihat dan _____ masalah kita.
5. Sentiasa _____ perasaan kita.
6. Rela _____ kegembiraan dan kesedihan.
7. Kita _____ sekiranya memiliki sahabat sejati.

berkongsi

mendengar

memahami


membantu

membimbing

bersyukur

sokongan

B. Warnakan perkataan yang menunjukkan ciri-ciri sahabat positif.





UNIT 5

TEMA 2 : HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT

HIDUP BERJIRAN MEMBAWA BERKAT



RANGSANG MINDA

Hayati dan fahami situasi dalam gambar.

1. Adakah anda mengenali jiran anda?
2. Ceritakan tentang jiran anda.



NOTA GURU

2.1.1
2.1.2
2.1.3
2.1.4

- Bimbing murid memahami situasi dalam gambar.
- Bimbing murid bercerita tentang jiran mereka.

Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Toleransi, Rasional, Kerajinan



TAHUKAH ANDA?

JIRAN SEPAKAT MASYARAKAT HARMONI

Mari baca catatan diari Rahman.

1



Saya gembira dapat membantu anda berpindah rumah.

Isnin



Bekerjasama antara jiran

Apa khabar Rahman?

2



Selasa



Bertegur sapa dengan jiran

3

Mari saya bantu baiki basikal ini.



Rabu



Tolong-menolong sesama jiran

Terima kasih kerana menziarahi saya.

4



Khamis



Menziarahi jiran

Jumaat

5



Jiran yang sepakat

Saya bersyukur dapat menghadiri majlis hari lahir jiran saya.

Barulah kejiranan kita bersih dan bebas daripada wabak denggi.



6

Melibatkan diri dengan aktiviti kemasyarakatan

Sabtu



7

Rahman, saya akan pulang ke kampung untuk beberapa hari. Tolong perhatikan rumah saya.

Ahad

Prihatin sesama jiran



1. Adakah anda ingin menjadi seperti Rahman?
2. Apakah aktiviti yang pernah anda lakukan bersama-sama jiran?

NOTA GURU

- 2.1.1
- 2.1.2
- 2.1.3
- 2.1.4

- Bimbing murid memahami situasi di atas.
- Bimbing murid memahami kepentingan hidup berjiran dalam membentuk masyarakat harmoni.

Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Toleransi, Rasional, Kerajinan, Kesyukuran



MARI FAHAMI

**BERAT SAMA DIPIKUL,
RINGAN SAMA DIJINJING**

Lakonkan dialog di bawah.



1 Rumah Shantini rosak akibat kejadian tanah runtuh. Kita perlu membantu dia.

2 Saya setuju. Pasti dia dalam kesedihan. Mari kita menziarahinya.

3 Semoga sokongan moral kita dapat memberikan semangat kepadanya.

4 Semangat hidup berjiran seperti ini yang kita perlukan. Bak kata pepatah, yang berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing.

1. Nyatakan kepentingan hidup berjiran dalam masyarakat berdasarkan dialog di atas.
2. Nyatakan bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada jiran anda berdasarkan dialog di atas.



NOTA GURU

- 2.1.1
- 2.1.2
- 2.1.3
- 2.1.4

- Bimbing murid melakonkan dialog.
 - Bimbing murid menyatakan kepentingan hidup berjiran.
- Nilai: Bertanggungjawab, Kerjasama, Toleransi, Rasional, Kerajinan



MARI SELAMI

**BULAT AIR KERANA PEMBETUNG,
BULAT MANUSIA KERANA MUAFAKAT**

Aktiviti di bawah dapat membantu kita meningkatkan semangat hidup berjiran dalam sesebuah kawasan kediaman.



Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan gambar di atas.



Gambar	Cara meningkatkan semangat hidup berjiran	Kepentingan
1	Gotong-royong	
2	Rumah terbuka	
3	Sukaneka	
4	Amalan menziarahi	

NOTA GURU

2.1.2
2.1.3

- Bimbing murid menyatakan cara meningkatkan semangat hidup berjiran.
- Bimbing murid memahami kepentingan meningkatkan semangat hidup berjiran.

Nilai: Rasional, Berdikari, Kerjasama, Toleransi, Tanggungjawab, Kerajinan, Kesyukuran



MARI HAYATI

BUNGA RAMPAI HARMONI

Mari hadiahkan bunga rampai kepada jiran untuk menggembirakan mereka.

Bahan-bahan: Gunting, kain jaring, reben, daun pandan dan keratan kata-kata hikmat.

Aktiviti Terapi



NOTA GURU

- 2.1.3
- 2.1.4

- Bimbing murid membuat Bunga Rampai Harmoni.
- Bimbing murid membuat simulasi memberi Bunga Rampai Harmoni kepada jiran di dalam kelas.

Nilai: Kerajinan, Kerjasama, Bertanggungjawab, Berdikari



DUGA ILMU

A. Lengkapkan ayat dengan pilihan jawapan yang tepat.

1. Sebagai tuai rumah salah sebuah rumah panjang, beliau meminta penduduk di situ supaya saling _____.

bergurau senda

tolong-menolong

bersuka ria

2. Amalan bertegur sapa sesama jiran sangat penting kerana dapat _____.

mengenal jiran

bermusuhan
dengan jiran

menjauhi jiran

3. _____ merupakan aktiviti yang dapat meningkatkan semangat hidup berjiran.

Bergotong-royong

Menonton
televisyen

Bermain gajet

4. "Kami semua _____ penubuhan pasukan sukarelawan kampung ini Tok Penghulu," kata Hashim semasa mesyuarat komuniti.

membantah

menyokong

tidak setuju

5. Jun Li _____ Mak Cik Samu yang baru sahaja pulang dari hospital.

mengabaikan

menziarahi

sayang


6. Ateng menunjukkan sikap _____ apabila dia mengambil berat tentang kebajikan jiran-jirannya.

toleransi

prihatin

berdikari

B. Isi teka silang kata di bawah dengan perkataan yang betul.



Menegak

1. Masyarakat yang bersependapat.
2. Saling menasihati sesama jiran.
3. Membuat kerja bersama-sama dan tolong-menolong.
4. Sikap sabar dan bertolak ansur sesama jiran.

ziarah

toleransi

kerjasama

tegur

Melintang

5. Mengambil berat tentang jiran.
6. Kewajipan terhadap jiran.
7. Perbuatan memulihkan seseorang.
8. Amalan saling berkunjung dan melawat jiran.

sepakat

hormat

tanggungjawab

prihatin

UNIT 6

PERKHIDMATAN AWAM
KESEJAHTERAAN KITA

Teliti gambar di bawah.



RANGSANG MINDA

Senaraikan perkhidmatan awam yang terdapat dalam situasi gambar yang diberikan.



NOTA GURU

- 2.2.1
- 2.2.2
- 2.2.3

- Bimbing murid mengenali perkhidmatan awam dan kepentingannya.
Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kerajinan




TAHUKAH ANDA?

KEDIAMAN SELAMAT TANGGUNGJAWAB BERSAMA


Baca dan fahami dialog di bawah.

1



Mala, saya berasa tenang sejak pihak polis kerap melakukan rondaan. Kegiatan jenayah seperti rompakan dan ragut semakin berkurangan.

3



Kita juga perlu memastikan pintu dan pagar dikunci sebelum meninggalkan rumah. Selain itu, pemasangan sistem kamera litar tertutup dan jeriji pintu menjamin keselamatan kediaman.


2

Ya, Siew Li! Kita digalakkan mengisi borang balik kampung yang disediakan oleh pihak polis sekiranya pergi bercuti. Selain itu, perkhidmatan Rakan Cop dapat memberikan panduan keselamatan.

4

Betul! Menjaga keselamatan kediaman ialah tanggungjawab kita bersama.



1. Apakah perasaan anda jika kawasan kediaman anda selamat?
2. Ramalkan jika keselamatan kawasan kediaman anda diabaikan? 

NOTA GURU

2.2.1
2.2.2
2.2.3

- Bimbing murid mengaitkan kebaikan amalan kerjasama di kawasan kediaman.
 - Bimbing murid memahami kepentingan hidup berjiran untuk menjaga keselamatan kediaman.
- Nilai: **Kerjasama, Rasional, Bertanggungjawab**



MARI FAHAMI

KEDIAMAN BERSIH, SELAMAT DARIPADA WABAK PENYAKIT

Fahami situasi dalam gambar.



“Marilah kita perangi denggi. Luangkan masa untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes. Jika demam, dapatkan rawatan di klinik kesihatan berdekatan. Pegawai kesihatan akan membuat semburan berkala. Pesanan ini oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.”

Dikarang oleh: Umah a/p Mugundan



Nyatakan langkah pencegahan wabak denggi di kawasan yang bertanda nombor di atas.

- ① _____
- ② _____
- ③ _____

Capaian pada
15 Ogos 2017



Denggi

NOTA GURU

- 2.2.1
- 2.2.2
- 2.2.3

- Bimbing murid berbincang tentang sebab dan akibat atas tindakan berdasarkan gambar di atas.
 - Bimbing murid mengaitkan situasi di atas dengan peranan mereka.
- Nilai: Bertanggungjawab, Kerajinan, Rasional, Berdikari




MARI SELAMI

LANGKAH MENCEGAH KEBAKARAN DI RUMAH

Baca dan fahami.

Pegawai bomba telah menyampaikan ceramah mengenai cara mencegah kebakaran di kawasan kediaman. Antara tip keselamatan yang diberikannya termasuklah:

Bil.	Tip Keselamatan
1	Elakkan penyambungan yang berlebihan pada satu palam elektrik.
2	Letakkan lingkaran ubat nyamuk di dalam bekas yang sesuai.
3	Jauhkan lilin dari langsir, karpet atau cecair yang mudah terbakar.
4	Gantikan lilin dengan lampu suluh.
5	Simpan mancis dan pemetik api di tempat yang selamat.



GLOSARI

Palam: Peranti yang mempunyai dua atau tiga pin yang disambungkan dengan wayar dan digunakan sebagai sambungan elektrik apabila dimasukkan ke dalam soket.

Sumber: PRPM



1. Mengapakah penghuni rumah perlu bertanggungjawab menjaga keselamatan di rumah mereka?
2. Cadangkan aktiviti untuk menjaga keselamatan di kawasan kediaman anda.

NOTA GURU

- 2.2.1
- 2.2.2
- 2.2.3

- Bimbing murid memahami tanggungjawab mereka mencegah kebakaran di kawasan kediaman.
 - Guru boleh menganjurkan lawatan sambil belajar ke Balai Bomba untuk mengetahui peranan dan tugas anggota bomba.
- Nilai: Bertanggungjawab, Rasional



MARI HAYATI

NOMBOR TALIAN KECEMASAN

Mari kita menghafal nombor talian kecemasan.



Tandakan (✓) pada situasi gambar yang memerlukan kita menghubungi talian kecemasan.



NOTA GURU

- 2.2.1
- 2.2.2
- 2.2.3

- Galakkan murid menghafal nombor talian kecemasan.
 - Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
- Nilai: Bertanggungjawab, Berdikari, Kerajinan, Patriotisme



DUGA ILMU

A. Padankan fungsi badan perkhidmatan awam berdasarkan logo di bawah.



Memberi khidmat keselamatan ketika kebakaran dan kecemasan.



Menyediakan perkhidmatan dalam aspek pencegahan penyakit dan rawatan.





Membuat rondaan, mengawasi kegiatan jenayah dan menjaga keselamatan komuniti setempat.



Menjaga keamanan negara dan mencegah kegiatan jenayah.

* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
Sila rujuk pada QR code Duga Ilmu di muka surat 104.

B. Pilih pernyataan yang sesuai berdasarkan gambar di bawah.



A Penyemburan asap dapat mengurangkan pembiakan nyamuk aedes di kawasan kediaman.

B Menghafal nombor talian kecemasan dapat membantu ketika kecemasan.

C Amalan gotong-royong dapat mewujudkan kediaman bersih dan selamat.

D Penyambungan soket berlebihan boleh menyebabkan litar pintas.

E Rondaan Rukun Tetangga dapat mengurangkan kegiatan jenayah.

F Pastikan pintu dikunci sebelum meninggalkan rumah untuk mengelakkan kecurian.




PEMELIHARAAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN

Teliti gambar di bawah.



RANGSANG MINDA

Perhatikan sungai dalam gambar. Apakah pandangan kamu tentang tahap kebersihan sungai ini?



NOTA GURU

2.3.1
2.3.2
2.3.3

- Bimbing murid membincangkan cara-cara menjaga kebersihan sungai.
- Bimbing murid memahami kepentingan menjaga kebersihan sungai.

Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kerajinan



TAHUKAH ANDA?

MENJAGA KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Baca dan fahami dialog di bawah.

Jenny sekeluarga dalam perjalanan balik ke kampung. Perhatikan cara mereka menjaga kebersihan di kawasan rehat dan rawat (R&R).



4

Jenny, bukan yang itu. Masukkan botol plastik dan tin aluminium ke dalam tong jingga. Tong coklat untuk kaca dan tong biru untuk kertas.



5

Mari kita teruskan perjalanan.



1. Apakah yang dapat anda contohi daripada keluarga Jenny?
2. Kongsikan pengalaman anda menjaga kebersihan di kawasan R&R.

NOTA GURU

2.3.1
2.3.2
2.3.3

- Bimbing murid membincangkan kepentingan menjaga kebersihan di kawasan R&R.
 - Bimbing murid menyatakan kesan sekiranya tidak menjaga kebersihan di kawasan R&R.
- Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kerajinan



MARI FAHAMI

MIMPI RICHIE

Baca dan fahami cerita di bawah.



NOTA GURU

2.3.1
2.3.2

- Bimbing murid menyatakan cara menjaga kebersihan persekitaran.
 - Bimbing murid bersikap proaktif dalam menjaga kebersihan persekitaran.
- Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Toleransi, Rasional, Kerajinan



MARI SELAMI

BEG MESRA ALAM

Lengkapkan dialog dan lakonkan situasi berikut.

1

Adik, sayur yang kamu beli sudah dimasukkan ke dalam beg plastik ini.

2

Maafkan saya,



3

Bagusnya adik ini.



Capaian pada 15 Ogos 2017



Beg mesra alam

NOTA GURU

- 2.3.1
- 2.3.2
- 2.3.3

- Bimbing murid menyatakan kebaikan menggunakan beg mesra alam.
- Bimbing murid mengamalkan tabiat menggunakan beg mesra alam dalam kehidupan seharian.

Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kerajinan



MARI HAYATI

PASU KREATIF KITAR SEMULA

Marilah kita bersama-sama menghasilkan pasu kreatif kitar semula daripada botol plastik terbuang.

Bahan-bahan: Botol plastik terpakai, gunting dan pekat hiasan.



Sediakan botol plastik, pekat hiasan dan gunting.



Potong botol plastik di bahagian tengah.



Hiaskan botol plastik.



Masukkan tanah.



Tanam dan siram pokok hiasan.



Letakkan di sudut kelas.

INFO BESTARI



KITAR SEMULA

Kitar semula ialah proses mengolah semula bahan buangan untuk menghasilkan barangan yang baharu.



Nyatakan jenis bahan buangan yang boleh dikitar semula.



NOTA GURU

- 2.3.1
- 2.3.2
- 2.3.3

- Bimbing murid menghasilkan pasu kreatif kitar semula daripada botol plastik.
 - Bimbing murid menceritakan pengalaman mereka menghasilkan pasu kreatif kitar semula.
 - Bimbing murid mencadangkan bahan buangan lain yang boleh dikitar semula.
- Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Toleransi, Rasional, Kerajinan



DUGA ILMU

A. Tandakan (✓) pada gambar yang menunjukkan amalan positif dan (✗) pada gambar yang menunjukkan amalan negatif dalam menjaga kebersihan tandas.



1. Mengelap cermin muka yang kotor.



2. Membuang sampah ke dalam tong sampah.



3. Menconteng dinding tandas.



4. Mengepam tandas selepas digunakan.




5. Membuang objek ke dalam lubang tandas.



6. Membersihkan sinki.

* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
Sila rujuk pada QR code Duga Ilmu di muka surat 104.

B. Warnakan tong mini  mengikut warna tong kitar semula berdasarkan petunjuk yang diberikan.

Petunjuk:



Apakah kesan kepada alam sekitar sekiranya barangan sisa buangan tidak diurus dengan baik?



UNIT 8

AMALAN GAYA HIDUP SIHAT DALAM KOMUNITI

Teliti gambar di bawah.



RANGSANG MINDA

Ceritakan amalan gaya hidup sihat yang terdapat dalam situasi gambar.



NOTA GURU

2.4.1
2.4.2
2.4.3
2.4.4

- Bimbing murid bercerita tentang amalan gaya hidup sihat berdasarkan gambar.
Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kerajinan



TAHUKAH ANDA?

MASYARAKAT SIHAT NEGARA SEJAHTERA

Baca dan fahami dialog di bawah.

GLOSARI

Simptom: Gejala atau tanda-tanda.

Kronik: Sesuatu yang teruk dan sukar sembuh.

Sumber: PRPM


KEPENTINGAN

PEMERIKSAAN KESIHATAN

1. Mengesan simptom awal penyakit kronik.
2. Memudahkan pencegahan dan rawatan awal penyakit.
3. Mendapatkan nasihat penjagaan kesihatan.
4. Mengelakkan jangkitan dan penyebaran penyakit berjangkit.

1 Suhaila, mari kita menjalani pemeriksaan kesihatan. Banyak kepentingannya seperti yang terdapat dalam risalah ini.

2 Betul, saya setuju.



3

Selain pemeriksaan kesihatan, terdapat pelbagai cara amalan gaya hidup sihat. Antara yang saya lakukan termasuklah:



Mengamalkan senaman setiap minggu.



Membina hubungan baik dengan orang sekeliling dan berfikir positif.



Makan makanan yang berkhasiat.



Membersihkan kawasan kediaman.

4

Yang Xuan, saya juga perlu menjalani gaya hidup sihat seperti kamu. Saya akan menggalakkan keluarga saya mengamalkannya.

5

Betul, Suhaila. Keluarga yang sihat akan mewujudkan masyarakat yang sejahtera.



Nyatakan kepentingan amalan gaya hidup sihat kepada diri, keluarga dan komuniti.

NOTA GURU

2.4.1
2.4.2
2.4.3
2.4.4

- Bimbing murid memahami dialog.
- Bimbing murid menyatakan kepentingan amalan gaya hidup sihat.

Nilai: Berdikari, Bertanggungjawab, Kerjasama, Patriotisme, Toleransi, Rasional, Kerajinan



MARI FAHAMI

KOMUNITI SIHAT TANGGUNGJAWAB KITA

Fahami dan selesaikan situasi di bawah.

Situasi A

1

Kawasan perumahan yang kotor melambangkan komuniti yang tidak bertanggungjawab dan tidak mengamalkan gaya hidup sihat.

2

Apakah cara penyelesaiannya?



Situasi B

1

Lukman, makanan yang tidak berkhasiat ini menyebabkan kamu akan mudah mendapat penyakit.

2

Terima kasih kerana menasihati saya. Apakah yang perlu saya lakukan?



Rancang amalan gaya hidup sihat bagi situasi di atas.



Situasi A

Situasi B

Two horizontal bars for planning, each containing three pencil icons.

Two horizontal bars for planning, each containing three pencil icons.

NOTA GURU

- 2.4.1
- 2.4.2
- 2.4.3
- 2.4.4

- Bimbing murid menyelesaikan masalah situasi di atas.
 - Bimbing murid merancang amalan gaya hidup sihat.
- Nilai: *Kerjasama, Bertanggungjawab, Rasional, Kerajinan*



MARI SELAMI

KEMPEN AMAL GAYA HIDUP 5S

Mari hasilkan plat sihat. Berikan plat ini kepada ahli komuniti sekolah atau kediaman anda sebagai kempen kesedaran tentang amalan gaya hidup sihat.

Bahan-bahan: gunting, cakera padat, pensel warna, gam dan reben.

Langkah-langkah

1

Gunting lukisan yang telah dicetak.

2

Warnakan lukisan mengikut kreativiti.

3

Gam dan tampal lukisan pada cakera padat.

4

Gam reben pada cakera padat.



GLOSARI

Plat: Kepingan logam yang nipis.

Sumber: PRPM

NOTA GURU

- 2.4.1
- 2.4.2
- 2.4.3
- 2.4.4

- Sediakan salinan lukisan untuk setiap murid.
 - Bimbing murid membuat plat sihat.
 - Bimbing murid memahami amalan gaya hidup 5S.
- Nilai: Kerjasama, Bertanggungjawab, Kerajinan



MARI HAYATI

RESIPI BISKUT SIHAT

Pengambilan makanan berkhasiat merupakan antara amalan gaya hidup sihat. Amalan ini dapat mengelakkan jangkitan penyakit dan mengekalkan kesihatan tubuh badan. Mari kita buat Biskut Pisang Oat.

Bahan-bahan: Pisang, oat, ketuhar, sarung tangan plastik, sudu, pinggan plastik, mentega dan loyang pembakar.

- 

1 Sediakan bahan dan peralatan.
- 

2 Lenyek pisang.
- 

3 Gaul pisang dengan oat.
- 

4 Bentuk adunan setebal 1 cm.
- 

5 Susun adunan di atas dulang yang telah disapu mentega.
- 

6 Bakar pada suhu 250°C selama 25 minit.
- 

7 Biskut Pisang Oat yang telah dimasak.
- 

8 Hidangkan kepada rakan.

Capaian pada
15 Ogos 2017



Menu sihat



Berikan contoh makanan berkhasiat yang lain.

NOTA GURU

2.4.1
2.4.2
2.4.3
2.4.4

- Bimbing murid membuat Biskut Pisang Oat.
- Bimbing murid menyenaraikan contoh makanan berkhasiat.

Nilai: Bertanggungjawab, Kerjasama, Kerajinan



DUGA ILMU

A. Padankan aktiviti gaya hidup sihat dengan kepentingannya.

Aktiviti

Kepentingan



Mengetahui tahap kesihatan diri dari semasa ke semasa.



Mengelakkan pembiakan nyamuk aedes.



Meningkatkan kecergasan badan.















Membantu membina emosi positif.





Mengawal pemakanan mengikut diet seimbang.

* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
Sila rujuk pada QR code Duga Ilmu di muka surat 104.

B. Bina slogan sihat berdasarkan petunjuk yang diberikan.

1.				
2.				
3.				

Petunjuk:

			
bersama	sejahtera	positif	komuniti
			
kebersihan	minda	sihat	hidup
			
tanggungjawab	badan	bahagia	persekitaran



TEMA 3 : MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG ADAB DI TEMPAT AWAM

Lihat dan fahami situasi dalam gambar di bawah.



Meletakkan semula buku di atas rak.



Mematuhi peraturan penggunaan komputer.



Membaca buku dengan senyap.

GLOSARI

Adab: Tingkah laku serta tutur kata yang bersopan, berbudi bahasa dan berbudi mulia.
Tempat awam: Tempat untuk kegunaan ramai.

Sumber: PRPM



RANGSANG MINDA

Nyatakan tempat lain yang memerlukan anda mengamalkan adab seperti situasi dalam gambar.

NOTA GURU

3.1.1
3.1.2
3.1.3

- Bimbing murid menjelaskan maksud adab dan tempat awam supaya murid boleh memahami isi kandungan.
- Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Kesederhanaan, Keberanian, Bertanggungjawab, Kebebasan



TAHUKAH ANDA?

PERSEKITARAN BERSIH DAN CERIA

Fahami dialog di bawah.



1 Gembiranya melihat persekitaran kita bebas daripada vandalisme.



2 Betul! Persekitaranku yang bersih ini meningkatkan imej masyarakat dan negara kita.

GLOSARI

Vandalisme: Perbuatan yang merosakkan harta benda awam.

Sumber: PRPM

3

Bangga melihat diriku diberi keutamaan kepada mereka yang lebih memerlukan.

4

Diriku pula digunakan dengan sepenuhnya. Keadaan ini menyebabkan persekitaran bersih.



1. Apakah perasaan anda apabila melihat tempat awam yang terurus ini?
2. Nyatakan kepentingan menggunakan kemudahan awam secara beradab.



NOTA GURU

3.1.1
3.1.2
3.1.3

- Galakkan murid berbincang tentang kepentingan mematuhi peraturan di tempat awam.
- Guru boleh meminta murid melakukan aktiviti main peranan berdasarkan dialog.

Nilai: Kasih Sayang, Kesederhanaan, Bertanggungjawab, Patriotisme



MARI FAHAMI

MENERIMA DAN MEMATUHI PERATURAN

Teliti situasi dalam gambar berikut.



A. Jawab soalan berdasarkan gambar di sebelah.

Senaraikan amalan positif yang perlu dipatuhi oleh pengunjung taman rekreasi.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

B. Nyatakan kesan tidak mematuhi peraturan berdasarkan situasi di bawah.

Situasi	Jawapan
 <p>1. Apakah yang akan berlaku sekiranya pengunjung tidak mematuhi arahan di atas?</p>	<p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>
 <p>2. Nyatakan kesan sekiranya pengunjung tidak membersihkan pondok wakaf selepas digunakan.</p>	<p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p> <p>_____</p>

NOTA GURU

- 3.1.1
- 3.1.2
- 3.1.3

- Pupuk kepentingan mematuhi peraturan dan mengamalkan tingkah laku beradab di tempat awam dalam kalangan murid.
- Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.

Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Kesederhanaan, Bertanggungjawab



MARI SELAMI

STESEN BERADAB

Mari bermain.

Aktiviti Terapi










Peraturan permainan








1. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan.
2. Guru menyediakan kad situasi di setiap stesen.
3. Murid dikehendaki menjawab soalan berdasarkan kad situasi.
4. Guru akan menilai jawapan murid.
5. Kumpulan yang memperoleh markah tertinggi dianggap pemenang.

Soalan pada kad situasi

Stesen I	Nyatakan dua peraturan yang perlu anda patuhi di stesen ini.	
Kantin	1. _____ _____ _____	
	2. _____ _____ _____	
	Markah <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px; text-align: center;">10</td></tr></table>	10
10		

Stesen 2	Tandakan (✓) pada dua simbol yang terdapat di stesen ini.	
Pusat Sumber Sekolah		
		
		
		
	Markah 	

Stesen 3	Nyatakan dua adab yang perlu anda patuhi di stesen ini.	
Bengkel Kemahiran Hidup	1.   	
	2.   	
	Markah 	

Stesen 4	Apakah kesan sekiranya anda tidak mengamalkan adab di stesen ini?	
Tandas	1.   	
	2.   	
	Markah 	

NOTA GURU



- Guru boleh menjalankan aktiviti ini di luar bilik darjah.
 - Bimbing murid menjawab soalan yang diberikan.
 - Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
- Nilai: Kerjasama, Kejujuran, Bertanggungjawab, Kasih Sayang



MARI HAYATI

AMALAN BERADAB

Padankan gambar dengan peraturan yang sesuai.

Dilarang membuat bising.

Pam selepas digunakan.

Dilarang membunyikan hon.

Gunakan secara berhemah.



NOTA GURU

- 3.2.1
- 3.2.2
- 3.2.3

- Bimbing murid menjawab soalan.
 - Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
- Nilai: Kasih Sayang, Kesederhanaan, Bertanggungjawab



DUGA ILMU

A. Tulis maksud simbol larangan di bawah.

1



2



3



4



5



6



Dilarang makan/minum

Dilarang membunyikan hon

Dilarang membawa haiwan peliharaan

Dilarang berenang

Dilarang meludah

Dilarang merokok

B. Tulis tindakan yang perlu diambil berdasarkan situasi di bawah.

Bil.	Situasi	Tindakan
1.		
2.		
3.		

* Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.
Sila rujuk pada QR code Duga Ilmu di muka surat 104.

UNIT 10

ADAB DAN UNDANG-UNDANG ALAM SIBER

Teliti gambar di bawah.



RANGSANG MINDA

Apakah kegunaan Internet?



NOTA GURU

3.2.1
3.2.2
3.2.3

- Bimbing murid memahami kepentingan penggunaan Internet dalam kehidupan seharian.
Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Kesederhanaan, Keberanian, Bertanggungjawab, Kebebasan



TAHUKAH ANDA?

ETIKA PENGGUNAAN INTERNET

Baca dan fahami dialog di bawah.

1

Etika penggunaan Internet ialah tatacara atau disiplin semasa menggunakan Internet.

3

Kita perlu mematuhi etika ini untuk mengelakkan penyebaran maklumat palsu dan fitnah.

2

Cikgu, mengapakah kita perlu mematuhi etika ini?

4

Cikgu, saya faham dan berjanji akan mematuhi etika penggunaan Internet.

ETIKA PENGGUNAAN INTERNET



Mengapakah kita perlu mematuhi etika penggunaan Internet?

NOTA GURU

- 3.2.1
- 3.2.2
- 3.2.3




- Bimbing murid menyatakan etika penggunaan Internet dan menyatakan perasaan setelah mematuhi etika tersebut.
 - Bimbing murid melakukan tindakan yang rasional semasa menggunakan Internet.
- Nilai: Kejujuran, Kesederhanaan, Bertanggungjawab, Kebebasan



MARI FAHAMI

DAM INTERNET

Mari bermain.

	<p>28</p> 	<p>27</p> 	<p>Menceroboh kata laluan rakan.</p>	<p>26</p> 
<p>15</p> 	<p>16</p>	<p>17</p> 	<p>Menetapkan masa penggunaan Internet.</p>	
<p>Memuat turun perisian secara haram.</p> 	<p>14</p> 	<p>13</p>	<p>12</p> 	<p>11</p>
<p>MULA</p> 	<p>2</p>	<p>3</p> <p>Melaksanakan pembelajaran atas talian.</p> 	<p>4</p>	

Peraturan permainan

1. Minta murid melontar dadu untuk menentukan giliran bermain.
2. Pemain yang mendapat angka tertinggi akan memulakan permainan.
3. Pemain perlu bergerak mengikut petak pada papan Dam Internet.
4. Sekiranya pemain berhenti di petak katak, pemain hendaklah bergerak mengikut lompatan katak.
5. Sekiranya pemain berhenti di kepala ular, pemain hendaklah turun mengikut ekor ular.
6. Pemenang ditentukan apabila pemain yang pertama berhenti di petak "Saya pengguna Internet yang beretika".



NOTA GURU

3.2.1
3.2.2
3.2.3

- Bimbing murid bermain Dam Internet.
 - Bimbing murid membincangkan etika dan undang-undang siber.
- Nilai: Kasih Sayang, Kejujuran, Kesederhanaan, Bertanggungjawab, Kebebasan



MARI SELAMI

BULI SIBER

Baca dan ramalkan cerita bersiri di bawah.

1



Azizah suka melayari laman sosial. Ibu selalu menegur perbuatannya.

Ketika melayari Internet, dia tertarik dengan gambar seorang pemuda yang dikenali sebagai Si Kacak. Mereka saling bertukar maklumat peribadi dan gambar swafoto.

2



3



Azizah telah dinasihati oleh kawan-kawan supaya berhati-hati tetapi dia tidak mengendulkannya.

Suatu hari, kawan-kawan mendapati gambar Azizah telah disalahgunakan. Mereka telah mengejeknya. Azizah mengalami gangguan emosi.

4



5



Ramalkan tindakan yang sepatutnya diambil oleh Azizah.

INFO BESTARI

BULI SIBER

Buli siber berlaku apabila seseorang individu dibuli, diganggu, diugut atau dimalukan dalam Internet.

Capaian pada
15 Ogos 2017



Perisian penapis
laman web



**SANTAI
MINDA**

Apakah pengajaran yang anda peroleh daripada cerita di atas?



NOTA GURU

3.2.2
3.2.3

- Bimbing murid mengenal pasti pihak yang dapat membantu sekiranya berlaku buli siber.
- Nilai: Kasih Sayang, Kejujuran, Kesederhanaan, Keberanian, Bertanggungjawab, Kebebasan



MARI HAYATI

PENGGUNA INTERNET YANG BIJAK

Pilih jawapan yang sesuai berdasarkan gambar.

Berwaspada apabila menerima *spam* e-mel

Menetapkan had masa untuk penggunaan Internet

Melindungi maklumat peribadi

Menjaga keselamatan kata laluan



GLOSARI

SPAM:
 Pesanan yang tidak relevan dihantar melalui Internet kepada semua pengguna Internet yang boleh merosakkan sistem komputer.

Sumber:
 Terjemahan daripada Kamus Oxford English

NOTA GURU

- 3.2.1
- 3.2.2
- 3.2.3

- Bimbing murid mematuhi penggunaan Internet dalam kehidupan seharian.
- Bimbing murid membincangkan cara menggunakan Internet dengan bijak.

Nilai: Kejujuran, Kesederhanaan, Bertanggungjawab, Kebebasan









DUGA ILMU

A. Gariskan jawapan yang sesuai.

1. **(Pematuhan, Pelanggaran)** etika penggunaan Internet dapat menjaga maruah seseorang pengguna.
2. Ketagihan secara melampau dalam penggunaan Internet akan memberikan kesan yang **(baik, buruk)** kepada pengguna.
3. Setiap pengguna Internet hendaklah **(menghormati, menghina)** privasi pengguna Internet yang lain.
4. Kita patut **(mendedahkan, merahsiakan)** kata laluan laman sosial.
5. Kita patut **(mengelakkan, menggalakkan)** penyebaran maklumat palsu dan fitnah melalui Internet.
6. Murid-murid perlu bijak memilih dan melayari kandungan Internet yang membawa **(faedah, keburukan)** untuk diri mereka.
7. Kita perlu menggunakan bahasa yang **(sopan, kesat)** semasa berkomunikasi di laman sosial.
8. Kita tidak patut **(memanfaatkan, menyalahgunakan)** Internet dengan melayari laman web yang berunsur negatif.

B. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang mematuhi penggunaan Internet dan (x) bagi pernyataan yang tidak mematuhi penggunaan Internet.

Bil.	Pernyataan	✓ / x
1	Saya hanya melayari laman web yang selamat.	
2	Saya suka berkongsi maklumat peribadi di Internet.	
3	Saya menerima dan membuka e-mel daripada orang yang tidak dikenali.	
4	Saya meminta kebenaran ibu sebelum menggunakan Internet.	
5	Saya memuat naik gambar kurang sopan dalam laman sosial untuk menarik perhatian umum.	
6	Saya memanfaatkan Internet semasa mengulang kaji pelajaran.	
7	Saya berkongsi maklumat di Internet tanpa memastikan kesahihannya.	
8	Saya menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru menggunakan laman web yang sesuai.	
9	Saya menggunakan Internet untuk berkomunikasi dengan kawan yang berada di luar negara.	
10	Saya bermain permainan atas talian sepanjang hari.	



KESELAMATAN JALAN RAYA

Teliti gambar di bawah.



RANGSANG MINDA

Selain aspek keselamatan di bawah, nyatakan peraturan dan undang-undang jalan raya yang anda ketahui.



NOTA GURU

3.3.1
3.3.2
3.3.3

- Bimbing murid memahami peraturan lalu lintas.

Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Kesederhanaan, Keberanian, Bertanggungjawab, Kebebasan



TAHUKAH ANDA?

PANDU CERMAT JIWA SELAMAT

Undang-undang dan peraturan jalan raya wajib dipatuhi bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya. Teliti dan fahami gambar di bawah.



3



Menunggang basikal di laluan berbasikal adalah lebih selamat.

4



Kakak, mengapakah kita perlu menggunakan jeantas untuk melintas?

Jeantas mengurangkan risiko kemalangan.



Berdasarkan situasi gambar di atas, senaraikan peraturan dan undang-undang ketika anda berada di jalan raya.

NOTA GURU

- 3.3.1
- 3.3.2
- 3.3.3

- Bimbing murid menyenaraikan peraturan dan undang-undang di jalan raya.
Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Kesederhanaan, Keberanian, Bertanggungjawab, Kebebasan



MARI FAHAMI

KENALI PAPAN TANDA JALAN RAYA

Baca dan fahami simbol papan tanda jalan raya.

Petunjuk simbol papan tanda jalan raya



Berhenti

Berhenti sebelum garisan putih.



Kanak-kanak melintas

Perlahankan kenderaan, beri laluan kepada kanak-kanak melintas.




Lintasan pejalan kaki

Berhenti, beri laluan kepada pejalan kaki melintas.



Lampu isyarat

Merah – berhenti.
Kuning – bersedia untuk berhenti.
Hijau – jalan.



Lintasan kereta api

Laluan kereta api. Berhenti, tunggu sehingga pagar dibuka.



Perhentian bas

Kawasan bas mengambil dan menurunkan penumpang.



Laluan basikal

Laluan penunggang basikal sahaja.



Capaian pada
15 Ogos 2017



Kempen Media
Sosial 2017



1

Farid, mengapakah kita perlu mematuhi peraturan dan undang-undang di jalan raya?

2

Peraturan dan undang-undang jalan raya dibuat untuk:

- mengelakkan kemalangan;
- memastikan kelancaran lalu lintas;
- memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya;
- mendidik pengguna berdisiplin.



NOTA GURU

3.3.1
3.3.2
3.3.3

- Bimbing murid memahami simbol-simbol papan tanda jalan raya yang terdapat dalam infografik.
 - Bimbing murid memahami kepentingan mematuhi peraturan dan undang-undang jalan raya.
- Nilai: Kerjasama, Kejujuran, Keberanian, Bertanggungjawab



MARI SELAMI

LITAR TRAFIK

Panduan permainan

Aktiviti Terapi

1. Sediakan sebuah litar. Susun kon, papan tanda peraturan jalan raya dan gelung rotan seperti dalam gambar. Tentukan murid yang berperanan sebagai papan tanda jalan raya, pemandu kereta dan polis trafik.
2. Tandakan garisan permulaan dan penamat. Watak pemandu kereta berada di dalam gelung. Polis trafik mengawasi tindakan pemandu kereta sepanjang perjalanan.
3. Mulakan permainan. Murid yang memegang watak pemandu perlu berhenti di setiap kon. Minta murid menyatakan tindakan yang perlu mereka patuhi berdasarkan simbol peraturan jalan raya di setiap kon.
4. Sekiranya jawapan yang diberikan salah, polis trafik hendaklah mengeluarkan saman kepada pemandu. Setelah itu, pemandu boleh meneruskan perjalanan sehingga tamat.
5. Pemenang adalah berdasarkan jumlah saman yang paling kurang. Guru digalakkan memberi ganjaran kepada pemandu yang berhemah.

Contoh aktiviti



Langkah membuat simbol papan tanda jalan raya dan label

1

Sediakan tali dan penebuk lubang.

2

Cetak label dan simbol papan tanda jalan raya.

3

Tebuk lubang pada kertas cetakan dan masukkan tali.


4

Ikat simbol papan tanda serta label pada kon dan watak.

Contoh simbol papan tanda jalan raya dan label



Contoh litar trafik



NOTA GURU

- 3.3.1
- 3.3.2
- 3.3.3

- Bimbing murid membuat litar trafik dan bermain permainan ini.
- Guru boleh mendapat simbol papan tanda jalan raya dari sumber Internet.
- Gunakan kreativiti guru untuk membuat litar trafik.

Nilai : Rasional, Kerjasama, Toleransi, Kasih Sayang, Keberanian, Bertanggungjawab



MARI HAYATI

TEKA-TEKI KESELAMATAN JALAN RAYA

Jawab teka-teki di bawah.



Tali terikat di kerusi,
Fungsinya sebagai penyelamat diri,
Wajib dipakai undang-undang dipatuhi,
Cuba teka apakah ini?



Berbentuk bulat letaknya di kepala,
Ketatkan tali apabila diguna,
Penunggang motosikal wajib memakainya,
Siapa tahu cubalah teka?



Berbelang-belang bukannya kuda,
Di atas jalan sebagai penanda,
Berhati-hati sebelum melaluinya,
Sudah berfikir marilah teka.



Menjaga lalu lintas itu tugasnya,
Agar lancar perjalanan kita,
Berbaju putih segak bergaya,
Tegas dan berani, siapakah gerangnya?



NOTA GURU

- 3.3.1
- 3.3.2
- 3.3.3

- Bimbing murid membaca teka-teki.
 - Bimbing murid menjawab soalan teka-teki.
- Nilai : Rasional, Kerjasama, Keberanian



DUGA ILMU

A. Tulis kesalahan lalu lintas yang dilakukan dalam gambar berikut.

1



2



3



4



B. Pilih dan bulatkan jawapan yang tepat.

1. Sasmita sentiasa memakai _____  apabila menaiki kereta untuk menjamin keselamatan diri.

- a) tali pinggang keledar
- b) seluar pendek
- c) topi keledar

2. Chan hendak melintas jalan raya yang sesak dengan kenderaan. Apakah tindakan yang perlu dia lakukan?

- a) Menahan kenderaan.
- b) Melintas menggunakan jejantas.
- c) Melintas tanpa menoleh kiri dan kanan.

3.



Mengapakah penunggang motosikal perlu memakai jaket pantul cahaya seperti gambar di atas semasa menunggang motosikal?

- a) Supaya kelihatan kemas.
- b) Dapat dilihat dengan jelas.
- c) Mengelakkan diri daripada basah.

4.



Apakah pernyataan yang betul tentang papan tanda di atas?

- a) 
- b) 
- c) 



UNIT 12

HAK ASASI KANAK-KANAK

Teliti gambar di bawah.



RANGSANG MINDA

Apakah pandangan anda tentang kehidupan kanak-kanak dalam situasi gambar di bawah?



NOTA GURU

3.4.1
3.4.2
3.4.3

- Bimbing murid memahami hak kanak-kanak berdasarkan gambar.
Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Kesederhanaan, Keberanian, Bertanggungjawab, Kebebasan



TAHUKAH ANDA?

HAK SAYA SEBAGAI KANAK-KANAK

Baca dan fahami pernyataan di bawah.

1 Hak untuk kehidupan

Kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapat makanan, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna.



2 Hak untuk perlindungan

Kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapat perlindungan daripada ibu bapa, orang dewasa atau agensi kerajaan.



3 Hak untuk perkembangan

Kanak-kanak berhak untuk mendapatkan pendidikan dan menuntut ilmu.



4 Hak untuk penyertaan

Kanak-kanak berhak menyertai sebarang kelab dan persatuan.



Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat



Senaraikan hak asasi kanak-kanak yang telah anda peroleh.

NOTA GURU

3.4.1
3.4.2
3.4.3

- Bimbing murid mengetahui setiap hak asasi kanak-kanak.
Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Kesederhanaan, Bertanggungjawab, Kebebasan



MARI FAHAMI

BERANI BERKATA TIDAK

Teliti situasi dalam gambar di bawah dan bincangkan.

Situasi 1



1

Marilah, saya hantar awak balik ke rumah.

2

Tidak mahu! Saya tidak kenal awak.

Situasi 2



1

Hei, awak sudah siapakah kerja sekolah?

2

Eh, janganlah sentuh saya!



Mengapakah anda perlu mengatakan TIDAK dalam situasi di atas? Bincangkan.

NOTA GURU

3.4.1

3.4.2

3.4.3

- Bimbing murid mengaitkan situasi di atas dengan hak asasi kanak-kanak.
- Bimbing murid mengenal pasti pihak yang dapat memberi bantuan apabila keselamatan diri terganggu.

Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Kesederhanaan, Keberanian, Bertanggungjawab, Kebebasan



MARI SELAMI

INI HAK SAYA

Lengkapkan dialog dan lakonkan.

1
Kamal, kenapa kamu sedih?

3
Jangan risau Kamal. Kamu berbakat dan mempunyai hak untuk menyertai kelab tersebut.

5

2
Saya ingin menyertai kelab bola keranjang tetapi ketua pasukan tidak membenarkan saya.

4
Apakah yang patut saya lakukan, Anding?

6



Wajarkah ketua pasukan kelab bola keranjang menghalang Kamal menyertai kelab tersebut? Berikan pandangan anda.



NOTA GURU

- 3.4.1
- 3.4.2
- 3.4.3

- Bimbing murid memahami kepentingan hak asasi kanak-kanak.
- Bimbing murid mengetahui peluang mereka dalam aktiviti kokurikulum.
- Bimbing murid melengkapkan dialog di atas.
- Guru boleh membuat salinan halaman ini untuk aktiviti murid.

Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Keberanian, Bertanggungjawab, Kebebasan




MARI HAYATI

MEREKA CIPTA SLOGAN PADA BAJU-T

Lakukan aktiviti berikut.

Aktiviti Terapi

Bahan-bahan:
Baju-T putih, pewarna kain,
pen berdakwa, pensel dan berus.



Sediakan bahan dan peralatan.



Tulis slogan "Berani Berkata Tidak".



Warnakan slogan dengan pewarna kain.



Keringkan baju-T yang diwarnakan.



Peragakan baju-T yang telah siap.

NOTA GURU

- 3.4.1
- 3.4.2
- 3.4.3

- Bimbing murid mencipta slogan pada baju-T.
- Guru menerangkan slogan "Berani Berkata Tidak".
- Guru boleh memilih slogan lain yang sesuai.

Nilai: Kasih Sayang, Kerjasama, Kejujuran, Keberanian, Bertanggungjawab, Kebebasan



MARI HAYATI

TERIMA KASIH IBU AYAH

Mari bernyanyi.

Terima Kasih Ibu Ayah

Yang mendidiku dengan penuh kasih sayang
Kamulah segalanya bagi aku
Yang membimbingku dengan penuh kesabaran
Bersyukur aku milikimu

Yang menceriaku dengan senyuman terpancar
Kamulah penveri hidup aku
Yang membantuku dengan sedaya upaya
Beruntung aku punyaimu

Gembira sungguh aku hidup bersamamu
Bahagia sungguh aku hidup bersamamu

Terima kasih ooh..
Hormatilah ibu dan ayah jasa dihargai
Terima kasih ooh..
Patuhilah ibu ayah doa dimakbulkan

Kau jiwaku
Kau jiwaku

Melodi : Kau Ilhamku

Capaian pada
15 Ogos 2017



Lagu Terima
Kasih Ibu Ayah

Nyanyian semula oleh:
Teoh Min Min dan Teoh Xuan Xuan



Gambar ihsan: Chai Chen Sheng

NOTA GURU

3.4.1
3.4.2

•Bimbing murid menyanyikan lagu "Terima Kasih Ibu Ayah" dengan mengikut melodi "Kau Ilhamku".

Nilai: Kerjasama, Kejujuran, Kesederhanaan, Bertanggungjawab, Kebebasan



DUGA ILMU

A. Tulis jawapan yang sesuai berdasarkan situasi di bawah.

1



Nama saya Tan Zhi Xuan. Saya mengalami ketidakupayaan pendengaran. Namun, saya masih berhak bersekolah.

Hak: _____



2



Keluarga saya berpendapatan sederhana. Saya tinggal bersama-sama keluarga di sebuah rumah yang selesa serta mendapat makanan dan pakaian yang mencukupi.

Hak: _____



3



Setiap hari Sabtu, ibu menghantar saya ke kelas tuisyen. Ibu memastikan saya dihantar dan diambil dengan selamat.

Hak: _____



4



Walaupun saya mengalami kecacatan, guru masih mempercayai kebolehan saya. Saya diberi peluang untuk menyertai pertandingan menulis puisi sempena Hari Kemerdekaan.

Hak: _____



B. Jawab soalan di bawah.



Sumber: Malaymailonline, paparan 4 Januari 2016

1. Pada pendapat anda, mengapakah berlakunya kes kehilangan kanak-kanak?

2. Senaraikan pihak yang boleh melindungi keselamatan kanak-kanak.

3. Bagaimanakah anda dapat menjamin keselamatan diri ketika berada di luar rumah?



SENARAI CADANGAN JAWAPAN DUGA ILMU

 <p>Duga Ilmu Muka surat 7</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 15</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 16</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 23</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 24</p>
 <p>Duga Ilmu Muka surat 31</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 32</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 39</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 40</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 47</p>
 <p>Duga Ilmu Muka surat 48</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 55</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 56</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 63</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 64</p>
 <p>Duga Ilmu Muka surat 73</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 74</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 83</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 84</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 93</p>
 <p>Duga Ilmu Muka surat 94</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 102</p>	 <p>Duga Ilmu Muka surat 103</p>		



SENARAI DUGA ILMU TANPA CADANGAN JAWAPAN

SENARAI RUJUKAN

- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2016. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2001. *Panduan Keselamatan Kebakaran di Rumah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia*. Wilayah Persekutuan Putrajaya: Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya.
- Kementerian Pengangkutan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013. *Buku Aktiviti Tahun 4 Pendidikan Keselamatan Jalan raya dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengangkutan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014. *Buku Aktiviti Tahun 5 Pendidikan Keselamatan Jalan raya dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pengangkutan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015. *Buku Aktiviti Tahun 6 Pendidikan Keselamatan Jalan raya dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahfuzah Zainol, 2014. *Panduan Terapi Cara Kerja untuk Murid Istimewa*. Kuala Lumpur: Qaiser Ventures.
- Maslin Masrom, 2012. *Etika dalam Penggunaan Komputer*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masitah Mohd Ali, 2015. *Siri Politeknik: Nilai Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar
- Norani Abd. Rahim, 2017. *Siri Keselamatan: Saya Selamat di Jalan Raya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Munirah Teoh Abdullah, 2016. *Siri Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran: Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlan Salim, 2015. *Pengurusan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahizan Sagi, 2015. *Awas Jenayah Siber*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vishalache Balakrishnan, 2014. *Aplikasi I-Think dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rujukan dari Laman Sesawang

- Bahagian Pendidikan Kesihatan, Gaya Hidup Sihat. <http://www.infosihat.gov.my/infosihat> (dilayari pada 3 April 2017)
- UNICEF Malaysia. Hak Asasi Kanak-kanak. <https://www.unicef.org/malaysia> (dilayari pada 1 Januari 2017)
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Klik dengan Bijak. <http://www.klikdenganbijak.my> (dilayari pada 24 Disember 2016)

INDEKS

A

adab 26, 65, 71
aedes 44, 48, 63
agama 1, 2, 3, 8, 26
akrab 26

B

baik hati 27, 28
beradab 5
berakhlak 5
bersyukur 8
bisu 20
berusaha 9
berani 12

C

ceria 19
cergas 22
cerdas 22
cemerlang 9, 10

D

denggi 44

E

emosi 31, 81
e-mel 84
etika 76

G

gembira 27
genetik 10

H

harmoni 13

I

internet 76, 79, 82, 83, 84
ikrar 9
ikhlas 13
imej 24

J

jaguh 12
jenayah 40, 42, 48
jiran 33, 34, 35
jujur 27

K

kasih sayang 20
kecemasan 48
keselamatan 43, 85
Kokurikulum 9

P

peraturan 89
peguam 11
positif 11, 59, 63, 64, 69

U

undang-undang 89

R

rajjin 13

S

sahabat 25
sahsiah 9
setia 28
sedih 21
sepakat 35
sihat 60, 62, 63
sopan 23, 24
swafoto 80

T

tanggungjawab 5

V

vandalisme 66